

tetapi tidak akan mendapatkan keistimewaan seperti yang ditawarkan negara ini mulai esok", ujar beliau ketika mengulas laporan mula esok, 6.8 juta penduduk negara ini termasuk pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang dikategorikan sebagai tenaga kerja terpendam boleh bekerja separa masa dengan menikmati perlindungan dan insentif seperti pekerja sepenuh masa.

Prof Dr Mohamed Mustafa menambah beliau bersetuju dengan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi yang tidak menghalang pelajar IPT bekerja separa masa tetapi harus bijak menguruskan masa pengajian mereka.

Dalam pada Pensyarah UUM College of Business Dr Khulida Kirana Yahya berkata, langkah kerajaan ini juga dilihat dapat membantu pelajar untuk bekerja sambil mengumpul wang bukan sahaja bagi menampung perbelanjaan ketika sedang menuntut malah sebagai langkah awal untuk menabung bagi masa depan sebelum bekerja.

"Saya melihat peluang ini yang diberikan ini tidak diambil kesempatan oleh pelajar untuk menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pekerjaan tetapi pandai membahagikan masa untuk bekerja dan belajar", sambungnya lagi.

Dr khulida menambah peluang bekerja dan keistimewaan yang ditawarkan kepada mereka yang separa kerja mulai esok ini dapat membantu pelajar yang kurang mampu untuk mengumpul wang bagi perbelanjaan mereka.

"Dalam masa yang sama mereka perlu menumpukan perhatian kepada pelajaran dan tidak mengabaikan pelajaran" ujar beliau yang terbabit dalam membuat kajian mengenai umur persaraan kakitangan dinegara ini.

Habis.

DARIPADA :

PEJABAT PERHUBUNGAN AWAM